

**KONSEP HISBAH DAN PERANANNYA DALAM PENGUATKUASAAN  
HALAL DI MALAYSIA: ANALISIS PERUNDANGAN DAN PELAKSANAAN**  
*(The Concept of Hisbah and Its Role in Halal Enforcement in Malaysia: A Legal and  
Implementation Analysis)*

<sup>1</sup>MOHD AZAHAR JANTAN\*

<sup>1</sup>SUHAIZAD SAIFUDDIN

<sup>1</sup>FATIMAH YUSRO HASHIM

<sup>2</sup>ABDUL JAMIL

<sup>1</sup>Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

<sup>2</sup>Fakultas Hukum, Universitas Islam Indonesia Yogyakarta 55584, Indonesia

---

ABSTRAK

Industri halal mempunyai potensi besar untuk berkembang di peringkat domestik dan global, didorong oleh populasi Muslim dunia yang dianggarkan melebihi 1.9 bilion. Namun demikian, perkembangan pesat ini turut disertai pelbagai cabaran seperti penipuan, ketidakjelasan sumber bahan, penyalahgunaan logo halal serta pelanggaran keperluan syariah dan teknikal. Walaupun penguatkuasaan halal merupakan mekanisme penting dalam menangani isu-isu tersebut, kerangka pelaksanaannya di Malaysia masih dilihat kompleks serta kurang difahami oleh pengguna dan pemain industri. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan menganalisis konsep dan prinsip hisbah dalam Islam serta hubungannya dengan pengawasan industri halal. Kajian ini turut meneliti kerangka perundangan dan struktur penguatkuasaan halal di Malaysia, di samping mengenal pasti cabaran pelaksanaan dan mencadangkan langkah penambahbaikan yang bersesuaian. Pendekatan kualitatif digunakan melalui kaedah analisis dokumen yang melibatkan sumber seperti buku ilmiah, artikel jurnal, laporan rasmi dan dokumen perundangan. Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan secara tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa prinsip hisbah yang berteraskan konsep amar ma'ruf nahi munkar memainkan peranan signifikan dalam memperkukuh ketelusan, pematuhan syariah dan integriti dalam industri halal. Walau

---

\*Corresponding author: Mohd Azahar Jantan, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia, email: p148334@siswa.ukm.edu.my

Diserahkan: 19 September 2025

Diterima: 30 Mac 2026

DOI: <https://doi.org/10.17576/JH-2026-1801-07>

bagaimanapun, beberapa cabaran utama dikenal pasti, termasuk penyalahgunaan logo halal, kelemahan koordinasi antara agensi penguatkuasaan, tahap kesedaran pengguna yang rendah serta peningkatan risiko penipuan dalam persekitaran digital. Sehubungan itu, kajian ini mencadangkan pengukuhan kerangka perundangan, peningkatan kapasiti institusi, pelaksanaan latihan khusus serta integrasi teknologi dalam rantaian bekalan halal bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan. Selain itu, kajian ini membangunkan satu model konseptual tadbir urus halal berasaskan prinsip hisbah yang mengintegrasikan dimensi normatif syariah dengan mekanisme penguatkuasaan moden. Model ini berpotensi menjadi kerangka analitikal dalam memperkukuh sistem penguatkuasaan halal yang lebih holistik dan bersepadu.

**Kata Kunci:** Penguatkuasaan halal; hisbah; industri halal; perundangan halal; tadbir urus halal

### ***ABSTRACT***

*The halal industry has significant potential to grow at both domestic and global levels, driven by the global Muslim population estimated to exceed 1.9 billion. However, this rapid development is accompanied by various challenges such as fraud, lack of transparency in the sourcing of materials, misuse of halal logos, as well as violations of Shariah and technical requirements. Although halal enforcement is an important mechanism in addressing these issues, its implementation framework in Malaysia is still perceived as complex and is not well understood by consumers and industry players. Accordingly, this article aims to analyse the concept and principles of hisbah in Islam and its relationship with the supervision of the halal industry. This study also examines the legal framework and structure of halal enforcement in Malaysia, while identifying implementation challenges and proposing appropriate improvement measures. A qualitative approach is employed through document analysis involving sources such as scholarly books, journal articles, official reports, and legal documents. The data are analysed using thematic content analysis. The findings indicate that the principles of hisbah, which are based on the concept of amar ma'ruf nahi munkar, play a significant role in strengthening transparency, Shariah compliance, and integrity within the halal industry. Nevertheless, several key challenges are identified, including the misuse of halal logos, weak coordination among enforcement agencies, low levels of consumer awareness, as well as the increasing risk of fraud in the digital environment. Accordingly, this study proposes the strengthening of the legal framework, enhancement of institutional capacity, implementation of specialised training, as well as the integration of technology within the halal supply chain to improve enforcement effectiveness. In addition, this study develops a conceptual model of halal governance based on the principles of hisbah, which integrates the*

*normative dimensions of Shariah with modern enforcement mechanisms. This model has the potential to serve as an analytical framework in strengthening a more holistic and integrated halal enforcement system.*

**Keywords:** *Halal enforcement; hisbah; halal industry; halal law; halal governance*

## PENGENALAN

Perkembangan industri halal semakin menjadi popular dan semakin mendapat tempat di seluruh dunia (Drahman & Ab. Rahman 2019). Ini disebabkan oleh faktor populasi penduduk muslim yang pesat dan semakin bertambah. Bagi membantu pengguna mencari barangan atau perkhidmatan yang selari dengan keyakinan dan kepercayaan mereka, maka pasaran halal ini berpotensi besar dalam memajukan produk muslim (Hariyanto & Muhammad Munir Sajali Harahap 2023). Malaysia's Position in the Global Islamic, 2024 melaporkan perbelanjaan muslim terhadap produk atau perkhidmatan halal atau 'Muslim Spending' diramalkan mencapai USD2.4 trilion menjelang 2024, dengan kumulatif 5 tahun Kadar Pertumbuhan (CAGR) sebanyak 3.1% berbanding USD2.02 trilion pada tahun 2018 (State of the Global Islamic Economy Report 2020/2021). Malaysia juga tidak terkecuali dalam aliran pertumbuhan permintaan kuasa beli dalam industri berkaitan halal. Malaysia kekal sebagai peneraju dalam kedudukan keseluruhan dalam Malaysia's Position In The Global Islamic Economy Indicator (GEIEI) untuk tahun kelapan berturut-turut serta menduduki tempat pertama iaitu sektor kewangan Islam, makanan halal, pelancongan mesra Muslim, farmasi dan kosmetik manakala tempat kedua adalah dalam sektor media dan rekreasi. Al-Quran melarang umat Islam mencari makanan yang haram kerana ianya akan memberi kebinasaan kepada individu bahkan akan mendapat balasan iaitu dosa di akhirat kelak. Firman Allah SWT:

وَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ بِهِ مُؤْمِنُونَ

(Surah al-Maidah, 5: 88)

Maksudnya: Dan makanlah daripada rezeki yang telah diberikan Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik, dan bertaqwalah kamu kepada Allah yang kalian beriman (kepada-Nya).

Pelanggaran undang-undang halal di Malaysia, seperti penipuan dan pemalsuan sijil halal, mencetuskan masalah serius dalam memastikan integriti industri halal. Walaupun terdapat peruntukan undang-undang yang jelas seperti Akta Perihal Dagangan 2011 dan peraturan penguatkuasaan lain, kekurangan penguatkuasaan yang

konsisten, kekurangan sumber, dan ketidakseragaman pentadbiran antara peringkat persekutuan dan negeri menimbulkan persoalan mengenai keberkesanan kerangka perundangan semasa. Produk makanan dan logo halal adalah salah satu cabaran yang harus didepani oleh kehidupan masyarakat Islam kini dan perlu dipandang serius. Menurut Basit (2010), Kes penipuan logo halal yang dipamerkan di premis menyebabkan pengguna muslim teragak-agak dan lebih berhati-hati untuk membeli apa-apa dari premis bukan muslim terutama kedai yang menyajikan makanan walaupun logo halal telah pun dipaparkan. Terdapat syarikat yang gagal memenuhi spesifikasi halal. Sasaran keuntungan produk mereka adalah pengguna Islam tetapi malangnya mereka keliru dan kurang pemahaman terhadap keperluan halal (Husna et al. 2023). Senario ini terdapat sebilangan premis makanan yang tidak lekang dengan isu pengiklanan, penyalahgunaan halal serta pemalsuan yang digunakan sebagai strategi melariskan jualan produk dan barangan (Hazban & Nasohah 2023).

Hisbah memainkan peranan penting dalam struktur ekonomi dan pengurusan masyarakat Islam. Ia bukan terhad kepada satu lokasi, malah bersifat menyeluruh dan universal. Institusi ini berpotensi mengukuhkan industri halal dan ekonomi umat Islam di Malaysia. Hisbah juga mampu meningkatkan kesedaran pengguna, khususnya dalam kalangan Muslim. Secara asasnya, hisbah bermaksud amar ma'ruf dan nahi mungkar. Konsep hisbah menekankan usaha menegakkan kebaikan dan mencegah keburukan. Ia juga berperanan memastikan kesejahteraan awam melalui nilai moral Islam. Hisbah menjadi landasan membentuk pengguna yang beretika dan berakhlak. Ia menyokong strategi pentadbiran yang menjamin kepuasan dan keharmonian sosial (Wong & Halim 2021).

Walaupun pelbagai kajian telah membincangkan konsep hisbah dalam konteks pengurusan Islam dan penguatkuasaan halal di Malaysia, kebanyakan kajian tersebut lebih menumpukan kepada perbincangan konseptual atau sejarah institusi hisbah. Kajian yang menilai konsep hisbah sebagai kerangka tadbir urus dalam sistem penguatkuasaan halal moden masih belum diterokai. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis peranan prinsip hisbah dalam memperkukuh sistem penguatkuasaan halal di Malaysia serta menilai cabaran pelaksanaannya dalam kerangka perundangan semasa.

## **SOROTAN LITERATUR**

### **Konsep Hisbah Dalam Islam**

Islam mempunyai prinsip-prinsip menjadikan umatnya sentiasa diawasi dalam semua aspek atau aktiviti yang diceburi. Islam juga dikenali dengan pendekatannya yang menyeluruh dan harmoni dalam mengatur segala aspek kehidupan manusia, termasuk

hal-hal berkaitan kehidupan, interaksi sosial, undang-undang dan sebagainya (Suhazid et al. 2025). Pernyataan ini disokong oleh Hamidi dan Nasron 2022 (Ghani & Yaacob 2022) yang menyatakan bahawa pelaksanaan sesuatu pengurusan perniagaan perlulah mengikut prinsip Syariah. Individu merasakan dirinya sentiasa diawasi apabila sesuatu prinsip itu dipatuhi. Islam membahagikan pengawasan itu kepada dua bentuk iaitu dalam spiritual dan luaran. Pengawasan spiritual merujuk kepada pengawasan Illahi yang semulajadi wujud dalam diri seseorang. Tiada seorang pun yang dapat melarikan diri disebabkan penglihatan dan pendengaran adalah dari Allah SWT secara mutlak yang Maha Mengetahui perbuatan hamba-Nya. Hisbah ini wujud apabila berlakunya pencerobohan terhadap aktiviti-aktiviti yang salah di sisi Allah SWT maka hisbah menjadi satu pengawasan luaran menjadi pengurusan 'benchmark' yang membantu mengawal salah laku yang melanggar undang-undang.

Dari segi bahasa, hisbah berasal daripada kata dasar hasaba, yang bermaksud menghitung, mengira, menimbang atau menilai. Perkataan ihtasab pula, yang berasal dari akar kata yang sama, bermaksud mengharap ganjaran pada hari akhirat melalui perbuatan mulia. Dalam kamus *al-Mu'jam al-Wasit*, hisbah diertikan sebagai mengira, memberi kadar dan menghitung. Kamus al-Munjid pula menyatakan hisbah bermaksud ganjaran dan pahala, serta melahirkan istilah muhtasib, iaitu penguatkuasa yang memantau timbangan dan hal berkaitan di bawah kuasa hakim. Secara umum, hisbah berkait rapat dengan pelaksanaan amar ma'ruf nahi munkar (Ibrahim et al. 2018). Mardzelah Makhsin (2008) mendefinisikan hisbah sebagai sistem pengawasan dalam pengurusan Islam yang telah wujud sejak zaman Nabi Muhammad SAW dan mempunyai sejarah panjang dalam pemerintahan Islam. Penseyarian hisbah dinyatakan di dalam al-Quran sebagaimana firman Allah SWT:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ  
الْمُفْلِحُونَ

(Surah Ali 'Imran: 104)

Bermaksud: dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebaikan, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah daripada yang munkar merekalah orang-orang yang berjaya.

Hisbah bukan kaedah pengurusan organisasi terbaharu. Ianya telah wujud semasa zaman khalifah Islam lagi sekitar tahun 13-23 Hijrah bersamaan 634-644 Masihi. Khalifah terkenal Umar Ibn al-Khattab melakukan evolusi hisbah dengan lebih meluas. Pelaksanaan hisbah mengalami perubahan ketara sejak zaman kerajaan Abbasiyah, di mana peranannya dijalankan melalui institusi khusus. Bidang kuasanya diperluas dengan tanggungjawab menegakkan undang-undang dan memelihara moral

masyarakat. Usaha pemerintah Islam ketika itu membuktikan bahawa hisbah sesuai diamalkan secara sistematik dan tersusun dalam sistem pemerintahan negara (Ahmad & Ibrahim 2022). Melalui sumber sunnah, hisbah menjadi ikutan bagi umat Islam dicontohi melalui tugas Rasulullah sebagai muhtasib. Hal ini membuktikan bahawa hisbah mempunyai asas sejarah yang kukuh dan relevan untuk diaplikasikan dalam konteks pentadbiran moden.

Dari sudut institusi, pelaksanaan hisbah digerakkan oleh seorang pegawai yang dikenali sebagai muhtasib iaitu individu yang dilantik oleh pemerintah untuk memastikan pematuhan terhadap prinsip syariah dalam kehidupan masyarakat, khususnya dalam aspek ekonomi dan muamalat. Menurut al-Mawardi (1996), muhtasib berfungsi sebagai pengawas yang bertanggungjawab memantau aktiviti masyarakat bagi memastikan keadilan dan kepatuhan terhadap hukum syarak. Peranan ini diperkukuhkan oleh Mohammad Hashim Kamali (2010) yang menegaskan bahawa muhtasib memainkan peranan utama dalam menegakkan prinsip amar ma'ruf nahi munkar, termasuk mengawasi aktiviti perdagangan agar bebas daripada unsur penipuan, riba, monopoli (ihtikar) dan ketidakadilan. Ini menunjukkan bahawa fungsi hisbah bukan sahaja bersifat moral, tetapi juga mempunyai dimensi penguatkuasaan ekonomi yang signifikan.

Dari perspektif sunnah, konsep hisbah dapat dilihat dengan jelas melalui amalan Nabi Muhammad SAW yang bertindak sebagai muhtasib dalam masyarakat. Baginda bukan sahaja menjadi contoh teladan (*uswatun hasanah*), malah secara aktif memantau aktiviti ekonomi di pasar Madinah. Dalam satu peristiwa, baginda mendapati seorang peniaga menyembunyikan gandum basah di bawah gandum kering untuk mengelirukan pembeli. Baginda menegur perbuatan tersebut dan bersabda bahawa sesiapa yang menipu bukanlah daripada golongan umatnya. Tindakan ini menunjukkan bahawa pengawasan pasaran dan pencegahan penipuan merupakan sebahagian daripada tanggungjawab hisbah yang telah diamalkan sejak zaman Rasulullah SAW. Selain itu, baginda juga melantik pegawai seperti Said bin Said Ibnul Ash untuk memantau pasar di Makkah, yang menunjukkan bahawa fungsi hisbah telah diinstitusikan secara awal dalam pentadbiran Islam (Triwibowo et al. 2022). Hal ini membuktikan bahawa sunnah Nabi SAW menjadi asas penting dalam pembentukan konsep penguatkuasaan hisbah.

Selepas kewafatan Rasulullah SAW, pelaksanaan hisbah diteruskan oleh para Khulafa al-Rashidin yang memainkan peranan secara langsung dalam mengawasi masyarakat. Menurut Rashad Abbas Ma'tuq (1982), para khalifah bukan sahaja melaksanakan tugas hisbah sendiri, bahkan turut melantik pembantu bagi memastikan pelaksanaannya berjalan dengan berkesan. Khalifah Umar ibn al-Khattab misalnya terkenal dengan ketegasannya dalam mengawal aktiviti ekonomi, termasuk

menghukum peniaga yang menipu, menghalang gangguan di pasar serta memastikan kebajikan haiwan dipelihara. Manakala Uthman ibn Affan memberi penekanan kepada pembangunan kemudahan awam dan penyelenggaraan pasar, sementara Ali ibn Abi Talib menasihati para peniaga agar menjaga integriti, memastikan sukatan dan timbangan yang adil serta meningkatkan etika perniagaan (Jaafar et al. 2021). Ini menunjukkan bahawa pelaksanaan hisbah pada zaman sahabat berkembang secara dinamik mengikut keperluan masyarakat, namun tetap berteraskan prinsip syariah.

Secara asasnya, hisbah berlandaskan konsep *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar*, iaitu menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran. Prinsip ini bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme kawalan sosial, tetapi juga sebagai pendekatan pembinaan sahsiah individu. Menurut Mazlan dan Jakaria (2023), pelaksanaan hisbah mampu membentuk kesedaran dalaman individu dengan menekankan aspek rohani, emosi dan moral, sekali gus mendorong perubahan tingkah laku ke arah yang lebih beretika dan patuh kepada syariat. Hal ini menunjukkan bahawa hisbah bukan sekadar instrumen penguatkuasaan luaran, tetapi juga berperanan sebagai mekanisme pembangunan diri yang menyeluruh dalam masyarakat Islam.

## **METODOLOGI**

Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk kajian berbentuk analisis dokumen bagi meneliti konsep hisbah dan aplikasinya dalam penguatkuasaan halal di Malaysia. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penilaian secara mendalam terhadap sumber perundangan, doktrin syariah serta amalan institusi dalam konteks tadbir urus halal di Malaysia. Sumber data dalam kajian ini dibahagikan kepada dua kategori utama, iaitu sumber primer dan sekunder. Sumber primer merangkumi dokumen perundangan seperti Akta Perihal Dagangan 2011, Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011, Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 serta Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri. Selain itu, dokumen dasar dan garis panduan seperti Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia turut dianalisis. Sumber sekunder pula melibatkan artikel jurnal, buku ilmiah, laporan rasmi kerajaan dan penerbitan akademik berkaitan hisbah, tadbir urus halal dan penguatkuasaan undang-undang. Bagi tujuan analisis, artikel ini menggunakan kaedah analisis kandungan tematik yang dijalankan melalui beberapa peringkat. Pertama, proses pengenalpastian dan pemilihan dokumen dilakukan berdasarkan kriteria kerelevanan, autoriti sumber dan kesesuaian dengan skop kajian. Kedua, data dikodkan secara terbuka bagi mengenal pasti tema utama berkaitan prinsip hisbah, struktur penguatkuasaan halal dan cabaran pelaksanaan. Ketiga, tema-tema tersebut dikategorikan kepada beberapa dimensi analitikal iaitu dimensi normatif (prinsip syariah), dimensi institusi (agensi penguatkuasaan) dan dimensi operasional (mekanisme pelaksanaan). Analisis ini dipandu oleh kerangka teori hisbah yang berasaskan prinsip *al-amr bi al-ma'ruf*

*wa al-nahy 'an al-munkar* sebagai asas penilaian terhadap keberkesanan tadbir urus halal. Pendekatan ini membolehkan kajian dilakukan secara holistik dengan menghubungkan aspek teori, perundangan dan pelaksanaan dalam satu kerangka analisis yang bersepadu.

## **PERBINCANGAN DAN DAPATAN**

### **Penguatkuasaan Halal Di Malaysia**

Sektor makanan dan minuman merupakan antara penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi halal Malaysia, dengan sumbangan sebanyak RM27.84 bilion atau 46.8% daripada jumlah keseluruhan eksport halal negara. Peningkatan permintaan terhadap produk yang mempunyai pengesahan halal, khususnya produk makanan berasaskan daging dan makanan diproses, telah mendorong lebih banyak industri mendapatkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) sebagai kelebihan daya saing dalam pasaran domestik dan antarabangsa. Dalam konteks ini, pensijilan halal bukan sahaja menjadi jaminan pematuhan Syariah, tetapi juga meningkatkan kepercayaan pengguna dan mengukuhkan reputasi produk di pasaran global.

Penguatkuasaan perundangan halal di Malaysia dilaksanakan melalui kerjasama pelbagai agensi kerajaan yang mempunyai bidang kuasa dalam aspek keselamatan makanan, perdagangan dan pematuhan Syariah. Antara agensi utama yang terlibat termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Dalam struktur pentadbiran halal negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berperanan sebagai badan penyelarasan utama di peringkat persekutuan, manakala Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) dan bertindak sebagai pihak berautoriti di peringkat negeri. Kerjasama antara agensi-agensi ini penting bagi memastikan sistem penguatkuasaan halal dilaksanakan secara menyeluruh merangkumi aspek pensijilan, pemantauan, pemeriksaan serta tindakan penguatkuasaan terhadap sebarang pelanggaran peraturan halal.

Agensi-agensi ini memainkan peranan penting dalam memastikan sistem pensijilan dan penguatkuasaan halal dilaksanakan secara sistematik, telus dan berintegriti, termasuk melalui pemantauan, pemeriksaan, penguatkuasaan undang-undang serta pematuhan kepada standard halal yang telah ditetapkan (Razaly et al. 2023). Agensi-agensi yang terlibat adalah seperti berikut:

#### **a. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)**

JAKIM merupakan autoriti halal utama di Malaysia yang bertanggungjawab dalam pengurusan dan pentadbiran sistem pensijilan halal negara. Peranan utama JAKIM adalah mengeluarkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM), menggubal standard

halal seperti Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia dan standard MS1500, serta menyelaraskan pelaksanaan pensijilan halal di peringkat negeri melalui Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN). Selain itu, JAKIM turut menjalankan pemantauan dan audit pematuhan halal terhadap syarikat yang telah memperoleh sijil halal bagi memastikan pemegang sijil sentiasa mematuhi standard dan prosedur halal yang ditetapkan. Walaupun JAKIM bukan agensi penguatkuasaan secara langsung seperti agensi penguatkuasaan undang-undang, JAKIM berperanan dalam aspek pemantauan, penyelarasan, pengesahan halal serta bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain dalam operasi penguatkuasaan halal. Oleh itu, JAKIM boleh dianggap sebagai badan autoriti teknikal dan pensijilan halal negara.

**b. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup (KPDN)**

KPDN merupakan agensi penguatkuasaan utama yang berkaitan dengan kesalahan penggunaan logo halal dan perihal dagangan halal di Malaysia. Bidang kuasa KPDN adalah di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, yang memberi kuasa kepada pegawai penguat kuasa untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak yang menggunakan logo halal tanpa kebenaran, membuat tuntutan halal palsu, atau mengelirukan pengguna berkaitan status halal sesuatu produk. KPDN mempunyai kuasa untuk menjalankan siasatan, serbuan, rampasan, pendakwaan dan tindakan mahkamah terhadap kesalahan berkaitan penipuan halal dalam perdagangan. Oleh itu, peranan KPDN sangat penting dalam melindungi pengguna dan memastikan integriti logo halal Malaysia tidak disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

**c. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)**

KKM pula berperanan dalam memastikan aspek keselamatan makanan, kebersihan premis makanan, kesihatan pekerja serta kawalan penyakit dipatuhi oleh industri makanan dan minuman. Peranan KKM berkait rapat dengan konsep halalan tayyiban, iaitu bukan sahaja halal dari sudut syariah tetapi juga bersih, selamat dan tidak memudaratkan kesihatan. KKM menguatkuasakan beberapa undang-undang seperti Akta Makanan 1983, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 dan Akta Kerajaan Tempatan yang berkaitan dengan kebersihan premis makanan. Pegawai kesihatan dari KKM menjalankan pemeriksaan premis, pengambilan sampel makanan, pemeriksaan kebersihan dan boleh mengeluarkan notis, kompaun atau menutup premis sekiranya tidak mematuhi standard kebersihan dan keselamatan makanan. Oleh itu, KKM melengkapkan sistem penguatkuasaan halal dengan memastikan aspek keselamatan dan kebersihan makanan dipatuhi oleh pengusaha makanan.

**d. Jabatan Agama Islam Negeri**

Di peringkat negeri, penguatkuasaan halal dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri melalui bahagian penguatkuasaan halal yang bertanggungjawab membantu

pelaksanaan pemantauan dan penguatkuasaan pematuhan halal di premis-premis perniagaan dan industri makanan. Antara jabatan yang terlibat termasuk Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) melalui bahagian penguatkuasaan Halal yang menguruskan aktiviti permohonan Pensijilan Halal Malaysia (SPHM) di negeri Selangor, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) melalui bahagian penyelidikan, bahagian pengurusan Halal Jabatan Agama Islam Sarawak dan juga negeri-negeri yang lain. Bahagian penguatkuasaan halal di negeri-negeri ini biasanya menjalankan pemeriksaan premis, pemantauan pemegang sijil halal, siasatan aduan berkaitan pelanggaran halal serta menjalankan operasi bersepadu bersama agensi Persekutuan seperti JAKIM, KPDN dan KKM. Penglibatan Jabatan Agama Islam Negeri adalah penting kerana bidang kuasa agama Islam terletak di bawah kerajaan negeri sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, justeru menjadikan agensi negeri sebagai pelaksana utama dalam penguatkuasaan halal di peringkat operasi dan lapangan.

Dalam konteks penguatkuasaan halal, terdapat dua kaedah utama yang digunakan oleh badan autoriti halal di Malaysia, iaitu penguatkuasaan berdasarkan aduan dan penguatkuasaan melalui operasi penguatkuasaan. Penguatkuasaan berdasarkan aduan dilaksanakan apabila pihak autoriti halal menerima laporan daripada masyarakat awam berkaitan isu-isu seperti penyalahgunaan sijil halal, pemalsuan logo halal, penggunaan bahan yang diragui status halalnya atau ketidakpatuhan premis terhadap standard halal yang telah ditetapkan. Aduan tersebut akan disiasat oleh pihak berkuasa halal mengikut prosedur yang telah ditetapkan bagi memastikan setiap tindakan penguatkuasaan dilaksanakan secara adil, telus dan selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa. Pendekatan ini membolehkan masyarakat memainkan peranan sebagai pihak yang membantu memantau integriti sistem pensijilan halal melalui saluran aduan yang disediakan (Wong & Halim 2021).

Selain itu, penguatkuasaan juga dilaksanakan melalui operasi pemeriksaan yang dijalankan oleh pihak berkuasa halal secara berkala atau secara mengejut di premis-premis perniagaan. Operasi ini bertujuan memantau tahap pematuhan premis terhadap piawaian halal yang telah ditetapkan, khususnya bagi premis yang mempamerkan sijil pengesahan halal Malaysia. Pemeriksaan ini melibatkan penilaian terhadap pelbagai aspek termasuk sumber bahan mentah, proses penyediaan makanan, pengendalian produk, kebersihan premis serta pengurusan pekerja. Melalui pemeriksaan ini, pihak berkuasa dapat memastikan bahawa setiap premis yang memegang sijil halal benar-benar mematuhi standard halal secara menyeluruh dan tidak sekadar mempamerkan sijil halal sebagai elemen pemasaran semata-mata.

Pematuhan terhadap aspek kebersihan merupakan antara elemen penting dalam kelulusan dan penguatkuasaan sijil halal. Aspek ini merangkumi sistem pembersihan

premis, kawalan perosak, pengurusan sisa serta tahap kesihatan pekerja yang terlibat dalam penyediaan dan pengendalian makanan. Penekanan terhadap kebersihan ini bukan sahaja selaras dengan prinsip halal dalam Islam yang menitikberatkan konsep tayyiban (baik dan bersih), malah mencerminkan satu bentuk mekanisme pengawasan yang berfungsi untuk melindungi kepentingan pengguna (Nurul Hidayah et al. 2025).

Secara keseluruhannya, kedua-dua kaedah penguatkuasaan ini, sama ada melalui mekanisme aduan masyarakat mahupun operasi pemeriksaan oleh pihak berkuasa, memainkan peranan penting dalam memastikan integriti sistem pensijilan halal sentiasa terpelihara. Proses penguatkuasaan yang sistematik dan berterusan bukan sahaja membantu mencegah penyalahgunaan sijil halal, tetapi juga berfungsi meningkatkan tahap pematuhan dalam kalangan pengusaha industri makanan. Pada masa yang sama, mekanisma ini turut menyumbang kepada peningkatan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan mematuhi piawaian halal sebagai satu tanggungjawab bersama dalam memelihara kepentingan umat Islam serta menjamin keselamatan, kebersihan dan kesejahteraan pengguna secara keseluruhannya.

### **Kerangka Undang Undang Berkaitan Penguatkuasaan Halal di Malaysia**

Dari sudut perundangan, asas utama penguatkuasaan halal di Malaysia adalah melalui Akta 730 iaitu Akta Perihal Dagangan 2011. Di bawah Seksyen 28 dan Seksyen 29 akta tersebut, Menteri diberi kuasa untuk menggubal Perintah Perihal Dagangan bagi tujuan mengawal selia penggunaan istilah, label serta representasi berkaitan halal dalam perdagangan. Berdasarkan peruntukan ini, kerajaan telah memperkenalkan Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 yang menjadi instrumen penting dalam mengawal selia penggunaan istilah halal dalam produk dan perkhidmatan. Perintah ini membenarkan penggunaan istilah seperti “Halal”, “Dijamin Halal” atau “Makanan Islam” bagi menunjukkan bahawa sesuatu makanan atau produk adalah mematuhi kehendak syariat Islam. Pendefinisian makanan halal dalam perintah tersebut juga adalah selaras dengan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia 2020 yang menjadi rujukan utama dalam proses pensijilan halal negara. Peruntukan ini secara jelas menegaskan bahawa pensijilan halal di Malaysia hanya boleh dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang diiktiraf oleh kerajaan (Gunardi et al. 2022).

Dalam konteks penguatkuasaan, Akta 730, Akta Perihal Dagangan 2011 turut memberikan kuasa kepada pihak berkuasa, khususnya JAKIM dengan kerjasama KPND, untuk mengambil tindakan terhadap penyalahgunaan sijil halal atau penggunaan logo halal yang boleh mengelirukan pengguna. Tujuan utama peruntukan ini adalah untuk melindungi integriti sistem pensijilan halal serta memastikan bahawa hanya produk

yang benar-benar memenuhi keperluan Syariah dibenarkan menggunakan logo halal. Akta ini berfungsi sebagai mekanisme perlindungan pengguna dengan menekankan dua elemen utama, iaitu Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) (Husna et al. 2022). Kedua-dua perintah ini berperanan sebagai asas perundangan bagi mengawal penggunaan istilah halal dalam aktiviti perdagangan serta memastikan pematuhan terhadap piawaian halal yang ditetapkan.

Takrif halal di bawah Akta Perihal Dagangan merujuk kepada makanan atau barangan yang boleh dimakan, diminum atau digunakan oleh orang Islam selaras dengan ketetapan syarak. Berdasarkan peruntukan tersebut, sesuatu produk hanya boleh dianggap halal sekiranya memenuhi beberapa kriteria asas yang ditetapkan oleh hukum Syariah. Antaranya ialah produk tersebut tidak mengandungi bahagian haiwan yang diharamkan oleh syarak atau bahan yang diperolehi daripada haiwan yang tidak disembelih mengikut hukum Syariah. Selain itu, produk tersebut juga tidak boleh mengandungi sebarang unsur najis menurut hukum Syariah serta tidak mengandungi bahan yang beracun atau boleh memudaratkan kesihatan pengguna. Di samping itu, proses penghasilan produk juga tidak boleh melibatkan penggunaan bahan atau peralatan yang tercemar dengan najis.

Keperluan halal ini bukan sahaja tertumpu kepada kandungan produk semata-mata, tetapi turut meliputi keseluruhan rantaian pengeluaran dan pengendalian produk. Hal ini termasuk aspek pengangkutan, penyimpanan, pemprosesan, pengilangan serta penyajian produk kepada pengguna. Pendekatan yang menyeluruh ini mencerminkan bahawa konsep halal dalam sistem pensijilan Malaysia bukan sekadar berkaitan pemilihan bahan mentah, tetapi merangkumi keseluruhan sistem pengurusan produk yang menitikberatkan aspek kebersihan, keselamatan dan kualiti produk.

Manakala Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) pula memberi tumpuan kepada aspek pensijilan dan pelabelan halal. Berdasarkan perintah ini, pengesahan dan penggunaan logo halal hanya boleh dilakukan oleh pihak berkuasa yang diiktiraf seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), contohnya Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Oleh itu, sesuatu makanan, produk atau perkhidmatan hanya boleh dianggap halal sekiranya ia telah diperakui secara rasmi oleh pihak berkuasa yang berwibawa. Peruntukan ini penting bagi memastikan bahawa penggunaan label halal tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak yang ingin mengambil kesempatan terhadap kepercayaan pengguna Muslim. Dalam masa yang sama, kriteria pensijilan halal juga memastikan bahawa produk yang dihasilkan bukan sahaja halal dari sudut hukum syarak, tetapi juga selamat, bersih serta tidak mendatangkan kemudaratkan kepada pengguna (Hashim et al. 2022).

Dalam proses permohonan pensijilan halal, terdapat beberapa keperluan utama yang perlu dipatuhi oleh pengusaha industri. Antaranya ialah berkaitan dengan bahan mentah yang digunakan dalam penghasilan produk. Semua bahan mentah yang digunakan mestilah mempunyai pensijilan halal Malaysia atau diperolehi daripada badan pensijilan halal luar negara yang diiktiraf oleh JAKIM. Selain itu, pengusaha juga diwajibkan menyediakan maklumat sokongan yang lengkap berkaitan produk yang dihasilkan, termasuk nama pengeluar, tarikh luput produk serta senarai kandungan bahan yang digunakan dalam produk tersebut.

Di samping itu, semua maklumat berkaitan bahan mentah dan produk perlu dikemaskini secara berterusan melalui sistem dalam talian seperti portal MYeHALAL. Sistem ini berfungsi sebagai platform pengurusan maklumat bagi memastikan setiap permohonan pensijilan halal dapat dipantau dengan lebih sistematik dan telus. Melalui sistem ini, pihak berkuasa dapat menilai pematuhan pengusaha terhadap kriteria halal yang meliputi aspek keselamatan makanan, kebersihan premis serta kualiti pengeluaran produk. Pendekatan ini menunjukkan bahawa sistem pensijilan halal di Malaysia bukan sahaja menitikberatkan pematuhan terhadap hukum Syariah, tetapi juga mengintegrasikan elemen pengurusan moden dalam memastikan standard halal dapat dilaksanakan secara efektif dan berintegriti.

Selain undang-undang di peringkat Persekutuan, terdapat juga undang-undang penguatkuasaan halal di peringkat negeri yang diperuntukkan melalui Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di setiap negeri. Enakmen ini memperuntukkan kesalahan berkaitan penyalahgunaan tanda halal, penipuan berkaitan status halal, serta kesalahan yang melibatkan penghinaan terhadap agama Islam termasuk dalam konteks penggunaan istilah halal secara tidak sah. Penguatkuasaan enakmen ini dilaksanakan oleh pihak berkuasa agama negeri seperti Enakmen Jenayah Syariah Selangor 1995, Jabatan Agama Islam Selangor, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014 9 (38), Jabatan Agama Islam Negeri Kedah dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan melalui Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayahPersekutuan) 1997 (42). Pegawai penguat kuasa agama negeri mempunyai kuasa untuk menjalankan siasatan, serbuan, penyitaan serta pendakwaan di Mahkamah Syariah terhadap kesalahan yang melibatkan orang Islam atau kesalahan di bawah bidang kuasa undang-undang syariah negeri.

Keadaan ini menunjukkan bahawa penguatkuasaan halal di Malaysia tidak hanya bergantung kepada satu undang-undang sahaja, tetapi dilaksanakan melalui gabungan undang-undang Persekutuan dan Negeri. Di peringkat Persekutuan, penguatkuasaan lebih tertumpu kepada aspek perdagangan, pelabelan dan perlindungan pengguna melalui Akta Perihal Dagangan 2011, manakala di peringkat negeri pula lebih tertumpu kepada kesalahan berkaitan syariah dan penggunaan halal dari sudut hukum syarak.

Pembahagian bidang kuasa ini selaras dengan struktur Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan hal ehwal agama Islam di bawah bidang kuasa negeri, manakala perdagangan dan perlindungan pengguna berada di bawah bidang kuasa Persekutuan. Oleh itu, sistem penguatkuasaan halal di Malaysia boleh disifatkan sebagai satu sistem perundangan yang bersepadu kerana melibatkan kerjasama antara undang-undang sivil dan undang-undang syariah dalam memastikan integriti sistem halal negara sentiasa terpelihara.

### **Peruntukan Undang-undang Kesalahan Berkaitan Makanan Halal di Malaysia**

Dalam konteks penguatkuasaan halal, terdapat beberapa undang-undang di peringkat persekutuan yang berkaitan dengan kesalahan penyalahgunaan tanda halal, khususnya yang melibatkan perdagangan, pelabelan produk dan perlindungan pengguna. Jadual 1 menunjukkan akta dan peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan serta hukuman berkaitan makanan halal di peringkat Persekutuan.

JADUAL 1 Undang-undang berkaitan kesalahan halal di peringkat Persekutuan

<b>Akta/Undang-Undang</b>	<b>Bidang Kuasa</b>	<b>Jenis Kesalahan</b>	<b>Jenis Hukuman</b>
Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta730) Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011	Persekutuan (Perdagangan & Perlindungan Pengguna)	Menggunakan simbol/istilah yang mengelirukan status halal tanpa sijil sah (contoh: “Buffet Ramadan”, kalimah suci)	Individu: Denda maksimum. RM1 juta atau penjara maksimum 3 tahun atau kedua-duanya Syarikat: Denda maksimum RM5 juta
Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta 730) Perintah Perakuan dan Penandaan Halal 2011	Persekutuan (Pensijilan & Pelabelan Halal)	Menggunakan logo halal tanpa pengesahan JAKIM / MAIN	Individu: Denda maksimum. RM100,000 atau penjara maks. 3 tahun atau kedua-duanya Syarikat: Denda maksimum. RM250,000
Akta Makanan 1983 (Akta 281)	Persekutuan (Kesihatan & Keselamatan Makanan)	Menjual makanan yang membahayakan kesihatan / pelabelan yang mengelirukan (termasuk isu halal)	Denda maksimum. RM100,000 atau penjara maks. 10 tahun atau kedua-duanya
Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009	Persekutuan (Peraturan Kesihatan & Sanitasi)	Tidak mematuhi piawaian kebersihan yang boleh menjejaskan status halal	Denda maksimum. RM10,000 atau penjara maksimum. 2 tahun atau kedua-duanya

Jadual 1 tersebut menunjukkan bahawa penguatkuasaan terhadap penyalahgunaan tanda halal tidak hanya tertumpu kepada satu undang-undang semata-mata, tetapi

melibatkan beberapa instrumen perundangan yang mempunyai bidang kuasa yang berbeza. Sebagai contoh, Akta Perihal Dagangan 2011 memainkan peranan penting dalam mengawal penggunaan istilah, simbol dan logo halal dalam aktiviti perdagangan bagi mengelakkan sebarang bentuk kekeliruan kepada pengguna. Di bawah akta ini, individu atau syarikat yang menggunakan simbol atau istilah halal tanpa pengesahan pihak berkuasa yang sah boleh dikenakan tindakan undang-undang termasuk denda yang tinggi atau hukuman penjara. Selain itu, Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 turut memainkan peranan dalam memastikan bahawa produk makanan yang dipasarkan kepada pengguna adalah selamat, bersih dan tidak memudaratkan kesihatan. Walaupun peruntukan ini tidak secara langsung memfokuskan kepada isu halal, ia tetap berkaitan dengan prinsip halalan tayyiban yang menekankan aspek keselamatan, kebersihan dan kualiti makanan.

Di samping itu, terdapat peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan halal yang diperuntukkan di bawah bidang kuasa negeri melalui Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah. Secara amnya, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri memperuntukkan pelbagai jenis kesalahan yang melibatkan orang Islam dengan tujuan utama mengawal tingkah laku umat Islam selaras dengan prinsip-prinsip agama Islam. Kerangka perundangan ini dibentuk berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang memberikan kuasa kepada negeri-negeri untuk menggubal undang-undang berkaitan hal ehwal Islam. Dalam konteks ini, bidang kuasa hukuman Enakmen ini ditetapkan oleh Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 yang telah dipinda pada tahun 1984 (Akta 355) yang menghadkan hukuman kepada hukuman pemenjaraan tidak melebihi tiga tahun, denda tidak melebihi lima ribu ringgit dan tidak melebihi enam sebatan atau kombinasi antara mana-mana hukuman tersebut.

Secara umumnya, kesalahan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri boleh dibahagikan kepada empat kategori utama. Pertama ialah kesalahan yang berkaitan dengan akidah, iaitu kesalahan yang melibatkan pelanggaran prinsip asas keimanan dalam Islam seperti murtad, syirik atau perbuatan yang boleh mencabar akidah umat Islam. Kedua ialah kesalahan yang berhubung dengan kesucian agama dan institusinya, yang merangkumi perbuatan seperti menghina agama Islam, mencemarkan tempat ibadah atau menyalahgunakan kedudukan dalam institusi agama. Kategori ketiga pula melibatkan kesalahan berkaitan tatasusila atau moral, yang merangkumi perbuatan yang bertentangan dengan norma dan adab yang diiktiraf dalam Islam seperti zina, liwat dan khalwat. Manakala kategori keempat dikenali sebagai kesalahan pelbagai, yang merangkumi kesalahan lain yang tidak termasuk dalam kategori sebelumnya tetapi tetap berkaitan dengan pelanggaran undang-undang syariah, seperti kesalahan minum arak, perjudian atau penyalahgunaan bahan terlarang. Pembahagian kategori ini menunjukkan bahawa undang-undang kesalahan jenayah syariah di Malaysia bukan sahaja memberi tumpuan kepada aspek akidah

dan moral, tetapi juga berfungsi sebagai mekanisma kawalan sosial bagi memastikan pemeliharaan nilai-nilai Islam dalam masyarakat.

Terdapat beberapa buah negeri yang memperuntukkan kesalahan jenayah berkaitan penyalahgunaan tanda halal seperti berikut:

JADUAL 2 Undang-undang berkaitan kesalahan halal di peringkat negeri

<b>Negeri/Statut</b>	<b>Seksyen dan Kesalahan</b>	<b>Jenis Hukuman</b>
Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559)	Sek. 42- Penyalahgunaan tanda halal	Denda maksimum : RM5000 atau penjara maksimum 3 tahun atau kedua-duanya
Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995	Sek. 38- Penyalahgunaan tanda halal	Denda maksimum : RM2000 atau penjara maksimum 1 tahun atau kedua-duanya
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997(Johor)	Sek 42- Penyalahgunaan tanda halal	Denda maksimum : RM5000 atau penjara maksimum 3 tahun atau kedua-duanya
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014	Sek 38- Penyalahgunaan tanda halal	Denda maksimum : RM5000 atau penjara maksimum 3 tahun atau kedua-duanya
Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1996 (Pulau Pinang)	Sek 42- Penyalahgunaan tanda halal	Denda maksimum : RM5000 atau penjara maksimum 3 tahun atau kedua-duanya
Pahang - Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013	Sek 51- Penyalahgunaan tanda halal	Denda maksimum : RM5000 atau penjara maksimum 2 tahun atau kedua-duanya atau sebatan maksimum 6 kali dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman
Sabah- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995	Sek 62- Salahguna tanda halal	Denda maksimum : RM1000 atau penjara maksimum 6 bulan atau kedua-duanya
Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah (Sarawak) 2001	Sek 39- Penyalahgunaan tanda halal	Denda maksimum : RM5000 atau penjara maksimum 3 tahun atau kedua-duanya

Merujuk kepada jadual 2 di atas, terdapat perbezaan berkaitan jenis hukuman yang dikenakan mengikut negeri. Sebagai contoh negeri Pahang yang menetapkan hukuman sebat ke atas pesalah di tambah dengan tempoh atau amaun maksimum yang dikenakan. Terdapat juga beberapa negeri yang tidak memperuntukkan kesalahan penyalahgunaan tanda halal seperti negeri Melaka, Negeri Sembilan, Kelantan, Terengganu, Perak dan Perlis.

Melalui kerangka perundangan ini, undang-undang kesalahan jenayah syariah bertujuan menguatkuasakan disiplin agama dalam kalangan umat Islam serta memastikan pematuhan terhadap prinsip-prinsip syariah dalam kehidupan seharian. Pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang tersebut dilaksanakan oleh pegawai penguatkuasa agama di peringkat negeri melalui jabatan agama Islam masing-masing. Sebarang kesalahan yang melibatkan pelanggaran undang-undang syariah akan didakwa di Mahkamah Syariah oleh pendakwa syarie yang dilantik oleh pihak berkuasa agama negeri (Dimon 2020).

Walau bagaimanapun, beberapa kajian menunjukkan bahawa keberkesanan pelaksanaan undang-undang halal bergantung kepada tahap koordinasi antara agensi di peringkat Persekutuan dan negeri. Tanpa penyelarasan yang berkesan, pelaksanaan penguatkuasaan halal boleh menghadapi cabaran seperti pertindihan bidang kuasa atau ketidakselarasan prosedur penguatkuasaan. Menurut Mohammed dan Shafiai (2021), keberkesanan sistem penguatkuasaan halal memerlukan kerjasama yang kukuh antara semua agensi yang terlibat bagi memastikan pemantauan dan pengawasan dilaksanakan secara menyeluruh. Pendekatan ini juga selari dengan konsep hisbah dalam tradisi pentadbiran Islam yang menekankan peranan pengawasan bagi memastikan kepatuhan masyarakat terhadap prinsip Syariah. Dalam konteks ini, penguatkuasaan halal bukan sekadar tertumpu kepada aspek simbolik seperti penggunaan logo halal, tetapi turut melibatkan pengawasan terhadap keseluruhan rantaian pengeluaran dan pengedaran produk bagi memastikan integriti sistem halal sentiasa terpelihara. Kajian oleh Mahadi et al. (2023) menegaskan bahawa pembentukan iklim etika dalam organisasi memainkan peranan penting dalam mengurangkan salah laku serta meningkatkan integriti dalam pentadbiran. Terdapat beberapa prinsip utama yang menjadi landasan hisbah, iaitu, Prinsip Pengawasan dengan memastikan segala aktiviti dalam masyarakat berjalan sesuai dengan nilai-nilai Islam dan mencegah perkara yang merugikan umat. Prinsip Keadilan juga diperlukan agar dapat menjaga keseimbangan dan keadilan dalam setiap tindakan, memastikan setiap individu diperlakukan dengan adil tanpa diskriminasi. Seterusnya Prinsip Tanggungjawab iaitu menegakkan kewajiban untuk mencegah kemungkaran dan menyarankan kebaikan sebagai amanah yang perlu dilaksanakan oleh pihak yang diberi kuasa, seperti muhtasib (Wong & Halim 2021).

### **Cabaran Penguatkuasaan Halal di Malaysia dan Cadangan Penambahbaikan**

Penguatkuasaan halal di Malaysia berperanan penting dalam memastikan integriti pensijilan halal dan melindungi kepentingan pengguna Islam. Walau bagaimanapun, pelaksanaan penguatkuasaan halal masih berdepan dengan beberapa cabaran yang menjejaskan keberkesananannya. Antara cabaran utama ialah penyalahgunaan logo halal dan penggunaan perbendaharaan halal tanpa kebenaran yang sah, terutamanya dalam kalangan perusahaan kecil dan sederhana serta perniagaan makanan. Keadaan

ini berlaku disebabkan oleh kelemahan pemantauan berterusan serta kekangan sumber manusia dalam kalangan agensi penguatkuasaan.

Di samping itu, cabaran penguatkuasaan undang-undang pada masa kini menjadi semakin kompleks apabila sesuatu kesalahan dilakukan melalui medium siber atau platform digital, sekali gus menyukarkan proses pengesanan dan pemantauan oleh pihak berkuasa (Suhazid et al. 2025). Perkembangan ini turut memberi implikasi kepada penguatkuasaan undang-undang halal, khususnya apabila pelanggaran seperti penipuan pelabelan dan penyalahgunaan logo halal berlaku dalam platform e-dagang dan media sosial. Penjualan produk melalui platform e-dagang dan media sosial juga menyukarkan proses pemantauan kerana sesuatu perniagaan boleh beroperasi tanpa premis fizikal yang tetap serta mudah menukar identiti perniagaan dalam talian. Situasi ini membuka ruang kepada berlakunya penipuan halal dan penyalahgunaan logo halal dalam talian tanpa kawalan yang berkesan.

Kekurangan koordinasi antara agensi yang terlibat di peringkat Persekutuan dan Negeri merupakan cabaran penguatkuasaan halal. Penguatkuasaan halal tidak tertumpu kepada satu badan sahaja, sebaliknya melibatkan pelbagai agensi seperti KPDN, KKM, JAKIM serta pihak berkuasa agama negeri. Setiap agensi mempunyai bidang kuasa dan fungsi tersendiri, sama ada dalam aspek pensijilan halal, pelabelan, keselamatan makanan atau penguatkuasaan perdagangan. Walau bagaimanapun, perbezaan bidang kuasa ini boleh menyebabkan berlakunya pertindihan fungsi, ketidakselarasan prosedur serta kelewatan dalam tindakan penguatkuasaan. Kekurangan mekanisma penyelarasan yang efektif turut menyukarkan perkongsian maklumat antara agensi, sekali gus menjejaskan kecekapan sistem penguatkuasaan halal secara keseluruhan. Dalam konteks ini, keberkesanan penguatkuasaan halal amat bergantung kepada tahap kerjasama dan koordinasi antara agensi bagi memastikan pemantauan dilaksanakan secara menyeluruh dan bersepadu selaras dengan tuntutan tadbir urus halal yang berintegriti (Mohammed & Shafiai 2021).

Selain itu, tahap kesedaran halal yang rendah dalam kalangan masyarakat dan pengusaha industri turut menjadi cabaran signifikan dalam penguatkuasaan halal di Malaysia. Sebahagian pengguna masih kurang memahami kepentingan pensijilan halal serta konsep halalan tayyiban yang merangkumi aspek kebersihan, keselamatan dan kualiti makanan. Dalam kalangan pengusaha pula, terdapat yang melihat pensijilan halal sebagai keperluan pemasaran semata-mata tanpa memahami tanggungjawab pematuhan terhadap standard halal yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Keadaan ini menyebabkan berlakunya ketidakpatuhan terhadap garis panduan halal, termasuk penggunaan bahan yang diragui statusnya serta kegagalan mengekalkan standard kebersihan premis. Bagi menangani isu penyalahgunaan logo halal, pihak berkuasa perlu memperkukuh mekanisma pemantauan dan penguatkuasaan melalui pemeriksaan

berkala serta operasi bersepadu antara agensi berkaitan. Selain itu, penggunaan teknologi seperti kod QR halal, pangkalan data halal bersepadu dan sistem semakan status halal secara dalam talian perlu dipertingkatkan bagi memudahkan pengguna mengesahkan status halal sesuatu produk atau premis. Dalam hal ini, peranan JAKIM dan KPDM perlu diperkasakan khususnya dalam pemantauan penggunaan logo halal dan tindakan undang-undang terhadap pihak yang menyalahgunakan logo halal tanpa kebenaran.

Oleh itu, bagi mengatasi masalah kekurangan koordinasi antara agensi, satu mekanisma penyelarasan yang lebih sistematik dan bersepadu perlu diwujudkan antara agensi penguatkuasaan di peringkat Persekutuan dan Negeri. Mekanisma ini boleh dilaksanakan melalui penubuhan jawatankuasa penyelarasan penguatkuasaan halal, perkongsian pangkalan data bersepadu serta pelaksanaan operasi penguatkuasaan bersama secara berkala. Penyelarasan ini penting bagi mengelakkan pertindihan bidang kuasa, meningkatkan kecekapan tindakan penguatkuasaan dan memastikan setiap kesalahan berkaitan halal dapat ditangani secara menyeluruh dan berkesan.

Di samping itu, bagi meningkatkan tahap kesedaran halal dalam kalangan masyarakat dan pengusaha industri, program pendidikan dan kesedaran halal perlu diperkasakan secara berterusan melalui kerjasama antara agensi kerajaan, institusi pendidikan dan pihak industri. Kempen kesedaran halal perlu memberi penekanan kepada kepentingan pensijilan halal, konsep halal tayyiban serta tanggungjawab pengusaha dalam mematuhi standard halal yang ditetapkan. Pendedahan awal berkaitan halal juga boleh dilaksanakan di peringkat sekolah dan universiti bagi membentuk kesedaran halal dalam kalangan generasi muda. Peningkatan kesedaran halal ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kesalahan berkaitan halal kerana pematuhan tidak hanya bergantung kepada penguatkuasaan undang-undang semata-mata, tetapi juga kesedaran dan tanggungjawab masyarakat.


Akhir sekali, bagi menangani cabaran penguatkuasaan halal dalam era digital, pendekatan penguatkuasaan perlu disesuaikan dengan perkembangan teknologi semasa. Antara langkah yang boleh diambil ialah memperkukuh pemantauan perniagaan dalam talian, mewujudkan unit pemantauan halal digital, serta meningkatkan kerjasama dengan platform e-dagang dan penyedia media sosial bagi mengawal penyalahgunaan logo halal dan penjualan produk yang meragukan status halalnya. Selain itu, penggunaan teknologi seperti analisis data, pemantauan dalam talian dan sistem aduan pengguna secara digital juga boleh membantu pihak berkuasa mengesan kesalahan halal yang berlaku dalam platform siber dengan lebih cepat dan berkesan. Pendekatan ini menunjukkan bahawa penguatkuasaan halal pada masa kini memerlukan transformasi digital agar selari dengan perubahan bentuk perniagaan dan teknologi semasa.

Selain aspek perundangan dan teknologi, pengukuhan integriti dalam kalangan pegawai penguat kuasa dan pentadbir halal juga merupakan antara cadangan penting dalam meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan halal di Malaysia. Integriti amat penting bagi memastikan setiap tindakan penguatkuasaan dilaksanakan secara adil, telus dan berakauntabiliti tanpa dipengaruhi oleh unsur rasuah, salah guna kuasa atau kepentingan tertentu. Menurut Indra Fauzan dan Nidzam Sulaiman (2019), integriti kepimpinan merangkumi nilai amanah, kejujuran, ketelusan dan kebertanggungjawaban yang menjadi asas kepada pembentukan budaya kerja beretika dalam sesebuah organisasi. Kepimpinan yang berintegriti berperanan penting dalam membentuk tingkah laku organisasi serta memastikan pematuhan terhadap nilai dan peraturan yang ditetapkan, khususnya dalam persekitaran yang berisiko tinggi terhadap salah laku dan ketidakpatuhan. Oleh itu, dalam konteks penguatkuasaan halal, pengukuhan integriti pegawai penguat kuasa, latihan etika kerja serta pemantauan dalaman organisasi perlu diberi perhatian bagi memastikan sistem penguatkuasaan halal dilaksanakan secara telus, berkesan dan berintegriti selaras dengan prinsip hisbah dalam Islam yang menekankan amanah dan tanggungjawab dalam menjalankan pengawasan. Rumusan cabaran dan cadangan penambahbaikan boleh dilihat melalui jadual 3 seperti berikut:

JADUAL 3 Cabaran dan cadangan penambahbaikan penguatkuasaan halal di Malaysia

<b>Cabaran</b>	<b>Cadangan Penambahbaikan</b>
Penyalahgunaan logo halal akibat kelemahan pemantauan	Memperkuh pemantauan berkala dan penggunaan sistem pengesanan halal digital
Kurang koordinasi antara agensi kerana pertindihan bidang kuasa	Penyelarasan antara agensi dan operasi penguatkuasaan bersepadu
Tahap kesedaran halal rendah dalam kalangan pengguna dan pengusaha	Program pendidikan dan kempen kesedaran halal secara berterusan
Cabaran penguatkuasaan dalam era digital dan e-dagang	Pemantauan perniagaan dalam talian dan kerjasama dengan platform digital

Berdasarkan perbincangan yang telah dikemukakan, kajian ini mencadangkan satu model konseptual tadbir urus halal berasaskan prinsip hisbah bagi menjelaskan hubungan antara prinsip pengawasan dalam Islam dengan mekanisme penguatkuasaan halal dalam konteks pentadbiran moden. Model ini dibangunkan sebagai suatu kerangka integratif yang menghubungkan dimensi normatif syariah dengan pelaksanaan institusi dalam sistem pengawalseliaan halal di Malaysia seperti di bawah:



RAJAH 1 Model Konseptual Hisbah dalam Penguatkuasaan Halal di Malaysia

Rajah 1 menggambarkan model konseptual tadbir urus halal berasaskan prinsip hisbah yang dibangunkan dalam kajian ini. Model ini berfungsi sebagai satu kerangka integratif yang menghubungkan dimensi normatif Islam dengan mekanisme penguatkuasaan dalam sistem pentadbiran halal moden. Pada peringkat asas, prinsip hisbah yang berteraskan konsep *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* bertindak sebagai asas normatif yang membentuk nilai, etika dan orientasi penguatkuasaan. Prinsip ini menekankan elemen pengawasan, akauntabiliti dan tanggungjawab dalam memastikan pematuhan terhadap hukum syariah. Seterusnya, prinsip tersebut diterjemahkan ke dalam sistem pentadbiran halal melalui tiga komponen utama, iaitu penguatkuasaan undang-undang, pemantauan berterusan dan pendidikan halal. Komponen penguatkuasaan undang-undang merujuk kepada pelaksanaan peruntukan perundangan oleh agensi seperti JAKIM, KPDN dan KKM. Komponen pemantauan pula melibatkan audit, pemeriksaan serta pengesanan pelanggaran halal secara berterusan, termasuk melalui penggunaan teknologi digital. Sementara itu, komponen pendidikan halal memberi penekanan kepada pembentukan kesedaran dan literasi halal dalam kalangan pengguna serta pemain industri. Interaksi antara ketiga-tiga komponen ini menghasilkan tahap pematuhan industri halal yang lebih tinggi, sekali gus menyumbang kepada perlindungan pengguna Muslim dan pemeliharaan integriti sistem halal. Model ini juga menunjukkan bahawa keberkesanan penguatkuasaan halal tidak hanya bergantung kepada kekuatan undang-undang, tetapi turut dipengaruhi oleh elemen kesedaran masyarakat dan keberkesanan mekanisme pemantauan. Secara keseluruhannya, model ini memperlihatkan bahawa integrasi prinsip hisbah dengan pendekatan tadbir urus moden berpotensi membentuk satu sistem penguatkuasaan halal yang lebih holistik, responsif dan berintegriti.

## KESIMPULAN

Artikel ini telah menganalisis konsep hisbah sebagai satu kerangka normatif dalam Islam serta menilai peranannya dalam memperkuat sistem penguatkuasaan halal di Malaysia dari sudut perundangan dan pelaksanaan. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa prinsip hisbah yang berteraskan konsep *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* mempunyai potensi yang signifikan dalam membentuk sistem tadbir urus halal yang lebih berintegriti, telus dan berakauntabiliti. Dari sudut struktur penguatkuasaan, Malaysia sememangnya mempunyai kerangka perundangan yang komprehensif melalui gabungan undang-undang Persekutuan dan Negeri serta penglibatan pelbagai agensi seperti JAKIM, KPND, KKM dan pihak berkuasa agama negeri. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati bahawa keberkesanan penguatkuasaan halal masih berdepan dengan beberapa cabaran utama, termasuk penyalahgunaan logo halal, kelemahan koordinasi antara agensi, kekangan sumber penguatkuasaan serta cabaran baharu dalam persekitaran digital dan e-dagang. Dapatan kajian ini juga menegaskan bahawa pendekatan penguatkuasaan halal semasa masih cenderung bersifat pematuhan peraturan (rule-based), sedangkan konsep hisbah menuntut pendekatan yang lebih menyeluruh berasaskan nilai (value-based) yang menekankan aspek pengawasan dalaman, integriti dan tanggungjawab moral. Oleh itu, integrasi kedua-dua pendekatan ini adalah penting bagi memastikan sistem penguatkuasaan halal bukan sahaja berkesan dari sudut undang-undang, tetapi juga mampan dari sudut pembinaan budaya pematuhan dalam kalangan masyarakat dan pemain industri. Dari sudut implikasi, artikel ini mencadangkan beberapa langkah strategik, antaranya pengukuhan kerangka perundangan, pemerkasaan koordinasi antara agensi, peningkatan kapasiti institusi penguatkuasaan, serta pemanfaatan teknologi digital dalam pemantauan dan pengesanan pelanggaran halal. Di samping itu, usaha meningkatkan literasi dan kesedaran halal dalam kalangan masyarakat juga perlu diperkasakan bagi menyokong keberkesanan penguatkuasaan secara menyeluruh. Artikel ini telah membangunkan satu model konseptual tadbir urus halal berasaskan prinsip hisbah yang menghubungkan dimensi normatif syariah dengan mekanisme institusi moden seperti penguatkuasaan undang-undang, pemantauan berterusan dan pendidikan halal. Model ini menawarkan satu kerangka analitikal baharu yang boleh dijadikan asas dalam memperkuat sistem penguatkuasaan halal secara lebih holistik dan bersepadu. Artikel ini menyimpulkan bahawa penerapan prinsip hisbah secara sistematik dalam sistem tadbir urus halal berpotensi menjadi asas kepada pembentukan sistem penguatkuasaan halal yang lebih efektif, responsif dan berintegriti selaras dengan keperluan industri halal global yang semakin berkembang.

## RUJUKAN

- Baharudin Othman et al. 2019. The effect of halal certification approach on performance among Small and Medium Enterprises (SMEs) in Malaysia. *Jurnal Hadhari* 11 (1): 119-121.
- Bakar, M. S. A., W. F. A. W. Zakaria & K. Salleh. 2016. Cabaran institusi hisbah dalam dunia kontemporari serta usaha-usaha bagi memperkasakannya. *Jurnal Ilmi* 6: 55-68.
- Basit, A., S. Sahilah, M. Rodzi & Fakulti Pendidikan. n.d. Persepsi Pelajar Fakulti Pendidikan Terhadap Makanan Berlogo Halal. Kertas kerja tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Dimon, Z. 2020. Undang-undang berkaitan produk halal di Malaysia: Perbandingan kesalahan penyalahgunaan tanda halal di peringkat negeri. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 7 (1): 37-48.
- Drahman, A. & S. Ab. Rahman. 2019. Konsep dan aplikasi hisbah dalam perniagaan produk halal. *Journal of Fatwa Management and Research* 18 (1): 25-44.
- Fauzan, Indra & Nidzam Sulaiman 2019 . Transisi kepemimpinan dan pembentukan nilai integriti dalam organisasi. *Jurnal Hadhari: An International Journal* 15 (2): 219-244.
- Hazban, N. & Z. Nasohah. 2023. Penguatkuasaan undang-undang status halal premis makanan di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 8 (2): e002099.
- Husna, A., K. Effendi Hashim & A. Rashada Affendi. 2023. Analisis Undang-Undang dalam Membasmi Isu Halal. *Journal of Management & Muamalah* 13(1): 56-68.
- Husna, A., M. Wong & A. S. Osman. 2022. The Enforcement of Halal Compliance by Authorities in the Halal Industry. *Environment-Behaviour Proceedings Journal* 7:543-548
- Ibrahim, A. Q., A. G. Don & M. F. Asha'ari. 2018. Konsep hisbah dan kepentingan dalam perurusan hal ehwal Islam. *Al-Hikmah* 10 (1): 55-78.
- Jaafar, A. J., M. T. Ibrahim & H. Ismail. 2021. Hisbah institution and its role environmental conservation in Islamic Civilization. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22 (1): 27-35.

- Mahadi, Mohd Hidayat, Muhammad Hilmi Jalil, Ahmad Munawar Ismail & Shawal Sahid Hamid. 2023. Tingkah laku organisasi menurut perspektif Islam: kajian terhadap iklim etika, kepimpinan beretika dan tingkah laku positif. *Jurnal Hadhari: An International Journal* 15 (2): 219-244.
- Malaysia's Position in the Global Islamic Economy. 2024.
- Mazlan, M. & N. A. Jakaria. 2023. Keperluan hisbah dalam amalan etika akademik. *Jurnal Ulwan* 8 (3): 338-347.
- Makhsin, Mardzelah. 2008. *Hisbah: Sistem Pengawasan dan Etika Pengurusan Islam*. Sintok: UUM Press.
- Mohammed, Muhammad Izzat & Muhammad Hakimi Shafai. 2021. Sekuriti makanan berlandaskan konsep halal dan toyyiban: Analisis dari perspektif maqasid syariah. *Jurnal Hadhari* 13 (2): 221-243.
- Muhammad Syahir Abu Bakar, Wan Fariza Wan Alyati Wan Zakaria & Kamaruddin Salleh. 2014. Pelaksanaan hisbah di Malaysia pada masa kini: Perkembangan dan halangan. *Al-Hikmah* 6 (2): 167-185.
- Nurul Hidayah Che Hassan, Aliya Yasmin Mohamad Nizam, Md Hamzaimi Azrol Md Baharudin & Siti Zafrina Mohd Zahari. 2025. Enforcement of halal certification compliance in food outlets: Hygiene perspective. *International Journal of Research and Innovation in Social Science* 9 (6): 1304-1313.
- Omar, A. F. 2023. The Role of Hisbah Institution in Governing Ihtikar Activities in Malaysia. *Al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies* 31(2): 122-131.
- Saifuddin, S., Tajuddin, H. H. A., Arif, M. I. A. M., Al-Maslamawi, F. A. R. A. & Sefriani. 2025. The challenges of enforcement for Syariah criminal offences pertaining to aqidah on social media. *Islamiyyat* 47(1): 194-204. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2025-4701-16>.
- Saifuddin, S., Tajuddin, H. H. A. & Hashim, F. Y. 2025. Meneroka perspektif Islam berhubung dengan penahanan reman dan penambahbaikan undang-undang tatacara jenayah syariah di Malaysia. *Akademika* 95(1): 477-495. <https://doi.org/10.17576/akad-2025-9501-27>.
- Saifuddin, S., Hashim, F. Y., Zahir, M. Z. M. & Ab Halim, A. H. 2025. Enforcement of sharia criminal offences in cyberspace: Challenges from Malaysian legal perspective. *Prophetic Law Review* 7(1): 25-46. <https://doi.org/10.20885/PLR.vol7.iss1.art2>.

Wong, M. S. M. A. & A. H. A. Halim. 2021. Konsep hisbah dalam penguatkuasaan pematuhan halal di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 22 (3): 129-140.